

Harian metro
6/4/2015
mls 9

*IKHWAN Hafiz (kiri)
mengusung jenazah bapanya
ketika memasuki pekarangan
Masjid Negara.*



MBAS
Imbas untuk video

Kekuatan luar biasa

Agong ucap takziah

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Hamidah menahirkannya ucapan takziah kepada keluarga dan sahabat mangsa yang terkorban dalam nahas helikopter di Semenyih, Selangor, kelmarin.

Seri Paduka berdua yang berdukacita dengan insiden itu, berharap seluruh keluarga mangsa dan sahabat handai dapat bersabar serta tabah menghadapi dugaan itu. Titah Seri Paduka berdua dizahirkan menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara Datuk Wira Awang Kechik Abdul Rahman di sini, semalam. **BERNAMA.**

Hujan renyai iringi pengebumian

Kuala Lumpur: Jenazah Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis, 64, yang terkorban dalam nahas helikopter di Semenyih kelmarin disemadikan di Makam Pahlawan Masjid Negara pada jam 5.55 petang semalam. Jenazah tiba di masjid berkenaan pada jam 3 petang sebelum Imam Besar Tan Sri Sheikh Ismail Muhammad mengetuai bacaan al-Quran. Sebaik selesai solat Asar berjemaah, beliau mengetuai solat jenazah sebelum jenazah diusung ke Makam Pahlawan untuk disemadikan. Mengiringi jenazah ialah isteri Allahyarham Puan Sri Dr Kalsom, anak sulung Ikhwan Hafiz dan anak perempuan Nuranis bersama lebih 1,000 orang yang hadir untuk memberikan penghormatan terakhir. Selepas bacaan talkin disempurnakan oleh Sheikh Ismail, para kenamaan dan kaum keluarga menyiram air mawar di pusara Allahyarham.

Hujan renyai mengiringi sepanjang majlis pengebumian Ahli Parlimen Rompin itu yang turut dihadiri beberapa kenamaan termasuk Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yakob, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron serta menteri Kabinet. Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor dan Ketua Wanita UMNO Datuk Seri Shah-

Isteri Allahyarham Jamaluddin tenang sepanjang pengebumian



TRAGEDI SEMENYIH

Kuala Lumpur

Pemergian Tan Sri Jamaluddin Jarjis benar-benar menguji ketabahan Puan Sri Dr Kalsom Ismail sebagai wanita nombor satu di belakang Allahyarham sepanjang mengharungi onak duri sebagai pemimpin masyarakat dan negara.

Wanita itu sememangnya memiliki kekuatan luar biasa kerana masih mampu tersenyum dan riak wajahnya sentiasa tenang sepanjang berada di Masjid Negara sebelum jenazah suaminya disemadikan di Makam Pahlawan.

Mengenakan baju kurung putih bertompok hitam dan berselendang, Kalsom dilihat bersahaja setiap kali dipaparkan oleh orang ramai yang turut hadir memberikan



KALSOM menabur bunga di pusara suaminya di Makam Pahlawan, Masjid Negara.

"Jika ada mana-mana pihak yang memerlukan berkaitan Allahyarham, saya sebagai waris boleh bertemu dengan saya" Ikhwan Hafiz

penghormatan kepada jenazah suaminya. Semua kata-kata semangat dan ucapan takziah disambut dengan ungkapan terima kasih tanpa menunjukkan sebarang kesedihan pada raut wajahnya. Malah, beliau menolak dimifit wartawan member-

kasi kejadian dekat Kampung Pasir Baru, Sungai Pening Semenyih sejak jam 6 petang pada hari kejadian.

Melaksanakan tanggungjawabnya sebagai anak, dia turut meredah belukar sejauh hampir dua kilometer untuk tiba di lokasi nahas.

Malah, Ikhwan Hafiz turut sama membantu mengangkat dan mengeluarkan beg berisi mayat bapanya sebelum dibawa menaiki trak polis jam 11.54 malam.

Sepanjang berada di Masjid Negara semalam, dia sempat melayan orang kenamaan dan tetamu yang hadir.

Namun, dia tetap enggan memberikan sebarang ulasan berkaitan kemalangan yang meragut nyawa ayahnya itu.

Bagaimanapun, sekuat mana semangatnya, akhirnya kesedihannya tidak dapat dibendung apabila diminta memberikan ucapan ringkas sebelum jasad ayahnya disemadikan.

"Terima kasih atas semua yang mengambil berat dan hadir pada hari ini (semalam). Jika ada mana-mana pihak yang memerlukan berkaitan Allahyarham, saya sebagai waris boleh bertemu dengan saya," katanya dalam nada sebak selepas selesai solat jenazah.

rikan komen berkaitan tragedi yang mengorbankan suami tercinta.

Dengan lembut, tapi sebak beliau memberitahu masih tidak bersedia untuk bercakap kepada media.

Sementara itu, anak sulung Allahyarham iaitu Ikhwan Hafiz Jamaluddin adalah individu paling penting sejak tragedi itu berlaku kelmarin.

Beliau turut berada di lo-